

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2015)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 25 NOVEMBER 2015 [RABU]

**DARIPADA : YB DATUK DR. MAKIN @ MARCUS
MOJIGOH [PUTATAN]**

SOALAN :

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan keputusan yang telah diambil oleh pihak kerajaan ke atas cadangan bagi memperuntukkan kuota menunaikan ibadah Haji bagi kawasan Parlimen.

**JAWAPAN : (Y.B. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL
KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 1993 *TH* telah memperkenalkan sistem pendaftaran haji terbuka berdasarkan konsep yang mendaftar dahulu didahulukan.

Sehingga Oktober 2015, seramai 1.89 juta pendeposit **TH** telah membuat pendaftaran haji melalui pelbagai saluran pendaftaran haji seperti berikut :

- semua kaunter **TH**
- secara online melalui portal **TH** dan maybank2u
- kaunter Bank Rakyat dan Bank Islam
- mesin ATM dan CDM Bank Rakyat, Bank Islam dan Maybank

Justeru, semua pendeposit yang mendaftar haji akan diperuntukkan tahun untuk menunaikan fardhu haji berdasarkan tarikh dan masa pendaftaran haji mereka dibuat. Ini bermakna, semua pendeposit tanpa mengira sempadan negeri, daerah mahupun Parlimen, boleh membuat pendaftaran haji di mana-mana. Mereka dipilih untuk menunaikan fardhu haji apabila tiba giliran tahun yang diperuntukkan kepada mereka berdasarkan yang mendaftar dahulu akan didahulukan. Sistem terbuka ini diterima pakai oleh umum dan wajar diteruskan tanpa mengira had sempadan negeri dan daerah pendeposit berkenaan.

Sekian, terima kasih.